

18 SEP 1998

HDAM-LANGKAH

PERSATUAN PEMAJU PERUMAHAN PUJI LANGKAH EKONOMI TERBARU KERAJAAN

KUALA LUMPUR, 18 Sept (Bernama) -- Persatuan Pemaju Perumahan Malaysia (HDAM) melahirkan sokongan ke atas pelbagai langkah yang diambil oleh kerajaan untuk memulihkan ekonomi seperti menurunkan Keperluan Rizab Berkanun (SRR) kepada 4.0 peratus daripada 6.0 peratus dan pengawalan pertukaran asing.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh timbalan presiden Datuk Francis Ng, HDAM menyatakan pengumuman oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed semalan bahawa RM11 bilion telah dipulangkan dari Singapura dan RM8 juta lagi akan menyusul memasuki edaran sistem hasil daripada penurunan SRR akan membantu mengurangkan masalah mudah tunai dalam negara.

HDAM yakin perkembangan ini akan merangsangkan kegiatan ekonomi dan mewujudkan peluang pekerjaan, terutamanya dalam sektor perumahan dan hartanah yang berkaitan dengan lebih 140 industri, kata Ng.

Persatuan itu juga menghargai usaha-usaha kerajaan di peringkat persekutuan dan negeri bagi memenuhi cabaran-cabaran yang timbul hasil daripada kegawatan ekonomi dengan mengurangkan birokrasi, membenarkan densiti tinggi bagi mengembangkan kos tanah dan memperkenalkan idea penjimatan kos inovatif.

Sementara itu, HDAM menjamin pembeli-pembeli rumah bahawa pelaburan dalam hartanah kini bernilai bagi wang kerana harga rumah telah jatuh sebanyak 20 peratus hingga 30 peratus.

Bagi pelabur asing, HDAM menyatakan pengawalan pertukaran asing sementara ke atas sekatan memegang aset ringgit bagi sekurang-kurangnya tempoh 12 bulan tidak menjejaskan pelaburan asing kerana ia akan mengambil sekurang-kurangnya tiga hingga empat bulan bagi pemilikan hartanah.

-- BERNAMA

NLY ZK MA